

## Kami di AIA mengucapkan **Terima Kasih**

Kami sedar bahawa waktu-waktu kebelakangan ini agak merisaukan bagi pelanggan, ejen, rakan niaga dan kakitangan kami. Kami kini gembira kerana mampu kekal mantap dan stabil meskipun diselubungi suasana yang tidak menentu sepanjang beberapa minggu lepas.

Kami sangat berterima kasih atas sokongan dan kesetiaan luar biasa yang telah anda tunjukkan kepada kami.

Syarikat-syarikat AIA kekal kukuh dari segi kewangan, disokong oleh komitmen lebih 20 juta pemegang polisi, 200,000 ejen yang dedikasi dan 20,000 kakitangan yang dipercayai.

AIA adalah sebahagian daripada struktur di Asia. Kami sangat berbangga dengan sejarah operasi kami selama 88 tahun di Asia dan kami merupakan peneraju pasaran dalam produk dan perkhidmatan insurans hayat dan simpanan persaraan.

Kami berkeyakinan tinggi terhadap masa depan Asia yang dinamik dan AIA Malaysia mempunyai visi yang jelas dan strategi bagi pertumbuhan yang akan memperkasakan lagi kedudukan kepimpinan kami yang unggul.

Kami berbangga dengan masa silam kami dan sangat yakin dengan masa depan kami. Terima kasih.



### Mengenai Syarikat-syarikat AIA di Asia

American International Assurance Co. Ltd., American International Assurance Company (Bermuda) Limited, American International Assurance Company (Australia) Limited dan AIA Pension and Trustee Co. Ltd. (Syarikat-syarikat AIA atau AIA) secara kolektif mewakili salah sebuah kumpulan organisasi insurans hayat yang terbesar di Asia dengan pejabat-pejabat cawangan, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat tergabung yang terletak dalam bidang kuasa seperti Republik Rakyat China, Hong Kong SAR, Macau SAR, Australia, Brunei, India, Indonesia, Malaysia, New Zealand, Singapura, Korea Selatan, Thailand dan Vietnam. AIA menyediakan rangkaian produk insurans hayat yang pelbagai menerusi sistem pengedaran berbilang saluran dengan pasukan agensi yang meluas.